

# Dulu enggan kini mula selesa

*Warga emas akui gembira tinggal di Rumah Seri Kenangan*

**JOHOR BAHRU** – “Pada mulanya pak cik enggan dihantar ke sini. Kalau orang nak kerat badan pun, pak cik tetap takkan berganjak de-

ngan keputusan ini. Namun lama kelamaan pak cik mulai selesa,” Demikian luah salah seorang penghuni Rumah Seri Kenangan, di sini, Yaakob (bukan nama sebenar), 63.

Mengimbu kembali sejarahnya, Yaakob menceritakan setelah kematian isteri tercinta dan anak bongsunya 17 tahun lalu, dia turut mengalami kemalangan tiga tahun kemudiannya selepas pulang dari bekerja sebagai pengawal keselamatan di Pasir Gudang, dekat sini.

“Kesan dari kemalangan itu, kaki kanan pak cik patah dan tidak boleh berjalan. Oleh sebab tidak mahu menyusahkan anak-anak pak cik tinggal sendirian. Tetapi anak-anak pak cik selalu datang menjenguk sebelum dimaklum-



**Pengurus Besar Pulau Springs Resort, Tengku Ahmad Faizal Tengku Mohamed (kanan) dan Azmi menyampaikan sumbangan kepada Yaakob.**

kan bahawa rumah pak cik akan dirobohkan oleh pihak berkuasa.

“Ketika rumah pak cik dirobohkan, mereka mendapati

pak cik tidak mampu bergerak dan sebuah van Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada bersama. Pak cik sudah beritahu tunggu anak dan

saudara pak cik kerana tidak mahu dimasukkan ke rumah orang tua tetapi mereka tetap membawa pak cik ke tempat ini.

“Akhirnya abang dan anak-anak pak cik tahu pak cik sudah tinggal di sini. Mereka selalu jenguk dan tak pernah melupakan pak cik. Kalau mereka datang pasti duit poket akan dihulurkan. Mereka memang banyak kali ajak tinggal bersama tapi pak cik tidak mahu menyusahkan mereka.

“Lama kelamaan pak cik mulai selesa tinggal di sini, dari tidak boleh berjalan, kini mampu bergerak secara perlahan dengan rawatan yang disediakan. Bahkan kemahiran menjahit yang dipelajari dahulukini semakin dipraktik-

kan,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Program Tanggungjawab Sosial Pulau Spring Resort dan Pulau Desaru Beach Resort & Spa di Rumah Seri Kenangan, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Hotel Pulau Desaru Beach Resort dan Spa, Azmi Shamsuddin dan Timbalan Penguasa Rumah Seri Kenangan, Azhar Kamal.

Pada majlis berkenaan seramai 247 penghuni Rumah Seri Kenangan menerima hamper yang mengandungi pelbagai makanan selain sumbangan barangan hasil derma seperti baju, selimut, bantal dan pelbagai lagi dari staf resort yang bernilai keseluruhannya lebih RM40,000.

## waktu solat

**RUMAH PAHAT, MUAR, SEGAMAT, GEMAS**

SUBUH	6:02
SYURUK	7:18
ZUHUR	1:22
ASAR	4:32
MAGHRIB	7:24
ISYAK	8:33

**KOTA TINGGI, MERSING, JOHOR BAHRU**

SUBUH	5:57
SYURUK	7:13
ZUHUR	1:18